

# Kelantan Baru: Najib ikrar bantu UMNO

UM- 9/6/2007.



**NAJIB Tun Razak bersalaman dengan seorang peminat cilik semasa menghadiri Majlis Jamuan Rakyat di Kampung Kedai Selising, Pasir Puteh semalam.**

KOTA BHARU 8 Jun - Datuk Seri Najib Tun Razak berikrar akan membantu habis-habisan pimpinan UMNO negeri dalam membawa perubahan politik bagi mencorak era 'Kelantan Baru' yang dapat menyediakan masa depan lebih baik kepada rakyat negeri ini.

Timbalan Presiden UMNO berkata, ini selaras dengan janji Kerajaan Pusat yang diterajui Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk memastikan rakyat dan negeri ini tidak tercicir daripada arus perdana negara dan berpeluang memajukan diri serta mencapai kejayaan lebih membanggakan.

"Saya akan bersama-sama dengan UMNO Kelantan untuk mencapai tujuan ini. Alhamdulillah kita lihat UMNO Kelantan sekarang sudah ada semangat yang baru dan pengarahannya yang jelas.

"Kerajaan Pusat akan sokong habis-habisan, ibarat orang Kelantan kata sokong 'habis reng'. Peruntukan kita tambah, universiti kita bagi sebab kita hendak melihat 'Kelantan Baru' di bawah kepimpinan Barisan Nasional (BN)," katanya.

Najib yang dalam rangka lawatan rasmi sehari ke negeri ini berucap merasmikan Majlis Pelancaran Gandingan Gemilang Veteran dan Badan Bukan Kerajaan

(NGO) di sini hari ini.

Kira-kira 2,000 pemimpin veteran UMNO di peringkat cawangan dan bahagian hadir pada majlis tersebut. Najib turut melancarkan buku kepimpinan UMNO Kelantan berjudul *Melakar Sejarah Menentu Arah*.

Buku tulisan wartawan Utusan, Wan Ramli Wan Muhammad itu memaparkan rentetan sejarah perjuangan barisan kepimpinan dari awal penubuhan UMNO di Kelantan sehinggalah ke era sekarang.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Pengerusi Badan Perhubungan UMNO, Datuk Seri Annuar Musa, timbalannya, Datuk Dr. Awang Adek Hussin, Pengerusi Majlis Veteran UMNO Kelantan, Datuk Mohd. Rozali Isohak dan bekas Menteri Besar, Tan Sri Mohamad Yakob.

Dalam pada itu Najib yang juga Timbalan Perdana Menteri melahirkan harapannya untuk melihat pemimpin dan ahli veteran UMNO di Kelantan berganding dengan barisan kepimpinan sekarang bagi memastikan kemenangan BN pada pilihan raya akan datang.

Beliau berkata, penglibatan golongan veteran amat penting bukan sahaja kerana buah fikiran mereka, tetapi pemimpin veteran juga mempunyai pengaruh yang besar di kalangan masyarakat.